



**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**PANDUAN PERMOHONAN ORANG KOMPETEN (SYARIKAT)
PENGILANG JENTERA MENGANGKAT
2025**

Tarikh kemaskini: 18 April 2025

KANDUNGAN

1.0 PENDAHULUAN	2
2.0 PUNCA KUASA	2
3.0 TAFSIRAN	2
4.0 SKOP	3
5.0 SYARAT PERMOHONAN	5
6.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN	6
6.1 KATEGORI PERMOHONAN	6
6.2 BUTIRAN PERMOHONAN	7
7.0 DOKUMEN	12
7.1 DOKUMEN PERMOHONAN	12
8.0 PEMAKLUMAN	17
9.0 FI	17
10.0 PIAGAM PELANGGAN	18

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1. Panduan permohonan ini disediakan oleh Unit Pengiktirafan, Bahagian Keselamatan Industri untuk rujukan kepada pemohon semasa membuat permohonan pendaftaran, pembaharuan dan kemaskini maklumat Orang Kompeten (Syarikat) Pengilang Jentera Mengangkat melalui sistem MySKUD. Sistem MySKUD boleh dicapai melalui Sistem Single Sign On (SSO) di MyKKP (<http://mykkp.dosh.gov.my/>).
- 1.2. Panduan permohonan ini telah dikemaskini mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 (LYMPK 2024).

2.0 PUNCA KUASA

- 2.1. Seksyen 31B Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994) telah menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh memasang siap, memasang, mendirikan, membuka, menguji, memeriksa, menyenggara, membaiki atau menservis apa-apa loji atau kelengkapan kawalan kejuruteraan yang dinyatakan dalam Akta dan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LYMPK) 2024 kecuali telah berdaftar sebagai Orang Kompeten (Syarikat) sepertimana ditetapkan oleh Ketua Pengarah.
- 2.2. Peraturan 4(1)(d), Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 telah menyatakan bahawa loji yang menghendaki perakuan kelayakan yang **dikilangkan** di Malaysia dikilangkan oleh Orang Kompeten.

3.0 TAFSIRAN

- 3.1. Orang Kompeten ertinya orang kompeten yang berdaftar di bawah Seksyen 31C AKKP 1994.
- 3.2. Orang Kompeten (Syarikat) Pengilang, Pembaik dan Pengubahan adalah Orang Kompeten dalam bentuk Syarikat yang menjalankan aktiviti seperti dinyatakan di dalam perkara 2.1.
- 3.3. Jentera mengangkat ertinya apa-apa kelengkapan untuk mengangkat, menaikkan, mengangkut atau menurunkan beban.
- 3.4. Pengilang ertinya mana-mana orang yang membina, membuat, mencantum, memasang menguji dan menyenggara Jentera Mengangkat dan mana-mana

komponen, bahagian atau perkakasan yang melibatkan integriti Jentera Mengangkat yang menggunakan apa-apa kaedah yang dinyatakan dalam standard yang diiktiraf seperti di dalam Jadual Keempat, Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024.

- 3.5. Pembaikan ertinya mana-mana orang yang menjalankan kerja-kerja pemulihan, penggantian komponen dan penyenggaraan bagi mengekalkan keadaan baik Jentera Mengangkat
- 3.6. Pengubahan ertinya apa-apa pengubahan kepada reka bentuk yang boleh menjejaskan kekuatan, integriti atau keupayaan fungsi mana-mana loji yang menghendaki perakuan kelayakan, perkadaran semula kenaikan beban kerja selamat yang dibenarkan sesebuah jentera mengangkat.
- 3.7. Standard yang diiktiraf ertinya standard yang diiktiraf seperti di dalam Jadual Keempat, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LYMPK) 2024.

4.0 SKOP

Skop Panduan permohonan adalah berdasarkan Jadual di bawah:

SKOP PENDAFTARAN ORANG KOMPETEN (SYARIKAT) PENGILANG JENTERA MENGANGKAT	
KATEGORI	SKOP PENGILANG JENTERA MENGANGKAT
HMM01 KREN BERGERAK	<i>Crawler Crane, Mobile Crane</i>
HMM02 KREN MENARA	<i>Kren Menara, Derrick Crane, Pedestal Crane</i>
HMM03 KREN DERMAGA	<i>Quayside Container Crane, Rail Mounted Quay Crane, Rubber Tired Gantry Crane (RTG), Rail Mounted Gantry Crane (RMGC), Wharf Crane, Rail Portal Crane</i>

HMM04 KREN KEMBARA ATAS	<i>Overhead Travelling Crane (OTC), Monorail Crane</i>
HMM05 LAIN-LAIN KREN	<i>Gantry Crane, Suspension Jib Material Hoist System, Jib Crane, Rubber Tired Gantry (RTG) Crane, Portal Crane, Straddle Carrier Crane, Grab Ship Unloader/Side Loader, Truck Mounted Crane, Injection Type Piling Machine, Boring Rig (with telescopic boom), Pipe Layer, Strand Jack With Gantry System, Spider crane (with telescopic boom), Mini/ Baby crane, Rail Mounted crane, Telescopic Handler, Wireline Mast</i>
HMM06 PENGANGKAT BENDA	<i>Goods Hoist, Material Hoist, Dumbwaiter, Lif Barang, Mechanical Car Park System (with car lift and guide rail)</i>
HMM07 PENGANGKAT PENUMPANG	<i>Passenger Hoist, Mast Climbing Work Platform, Vertical Lifting Platform</i>
HMM08 KELENGKAPAN AKSES GANTUNG	<i>False Car, Temporary Suspended Platform Building Maintenance Unit, Maintenance Cage</i>
HMM09 GANTRI PELANCARAN	<i>Gantry Launcher</i>
HMM10 KERETAPI FURNIKULAR	<i>Keretapi Furnikular</i>
HMM11 PELANTAR KERJA AERIAL	<i>Mobile Elevating Work Platform (MEWP), Elevating Work Platform</i>
HMM12	<i>Stair Lift, Self Climbing Platform (SCP), Mechanical Car Park System, Car Body Lifter, Lifting Jack, Strand Jack,</i>

LAIN-LAIN JENTERA MENGANGKAT	<i>Column Lifter, Mobile Lifter, Post Lift, Scissors Lift, Table Lifter, Vehicle Scissor Lift, Lifter, Post Lift Platform, Cargo Lifter, Fixed Hoist, Chain Hoist, Air Hoist, Telescopic Mast, Main Deck Loader, Lower Deck Loader, Cable Car</i>
HMM13 LIF, ESKALATOR DAN LALUAN GERAK	<i>Lif, Eskalator dan Laluan Gerak</i>

Jadual 1

5.0 SYARAT PERMOHONAN

- 5.1. Pemohon perlu mempunyai tempat kerja utama yang telah mempunyai nombor Pemberitahuan Tempat Kerja, PEMTK dengan JKPP Negeri melalui sistem MyKKP. Tempat kerja utama tersebut hendaklah dipastikan lengkap dengan jentera dan peralatan kawalan kualiti mengikut skop yang dipohon.
- 5.2. Pemohon perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang kakitangan teknikal yang bertanggungjawab setiap bahagian bagi skop pengilangan Jentera Mengangkat syarikat utama. Lima (5) bahagian wajib yang terlibat adalah seperti berikut:
 - i. Bahagian Reka Bentuk
 - ii. Bahagian Projek Kejuruteraan
 - iii. Bahagian Kawalan Kualiti (QA/QC)
 - iv. Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)
 - v. Kakitangan Pengimpal Tetap

*Nota: Setiap kakitangan teknikal bahagian **tidak boleh** memegang tugas untuk bahagian yang lain.*

6.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN

6.1 KATEGORI PERMOHONAN

PILIHAN KATEGORI PERMOHONAN ORANG KOMPETEN (SYARIKAT) PENGILANG JENTERA MENGANGKAT	NOTA PENERANGAN
Pendaftaran	Permohonan pendaftaran merujuk kepada pemohon yang baru pertama kali memohon untuk diiktiraf sebagai Pengilang Jentera mengangkat. Pemohon perlu merujuk panduan permohonan ini terlebih dahulu bagi menyemak dan memilih skop pendaftaran yang berkemampuan untuk dinilai dan didaftarkan oleh Jabatan sebagai Orang Kompeten (Syarikat).
Pembaharuan	Permohonan pembaharuan Orang Kompeten (Syarikat) merujuk kepada Orang Kompeten (Syarikat) Pengilang Jentera Mengangkat yang telah berdaftar dengan Jabatan. Orang Kompeten (Syarikat) hendaklah aktif menjalankan kerja pengilangan sepanjang tempoh kelulusan yang lepas. Orang Kompeten (Syarikat) dinasihatkan supaya memohon pembaharuan lebih awal iaitu bermula tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh kelulusan Orang Kompeten (Syarikat). Sekiranya tempoh kelulusan Orang Kompeten (Syarikat) yang sebelumnya telah tamat melebihi tempoh 1 tahun tanpa pembaharuan, syarikat dikehendaki memaklumkan kepada Unit Pengiktirafan, Bahagian Keselamatan Industri dan perlu memohon proses PENDAFTARAN semula melalui sistem mySKUD.
Kemaskini Maklumat	Pemohon perlu memohon kemaskini maklumat Orang Kompeten (Syarikat) bagi perubahan pada skop pendaftaran (Bahagian A), maklumat

	syarikat (Bahagian B), maklumat kakitangan teknikal (Bahagian C) maklumat cawangan (Bahagian D), maklumat pengilang/prinsipal bagi motor hoist jentera mengangkat (Bahagian E) atau mana-mana maklumat berkaitan Dokumen Permohonan yang wajib selepas kelulusan pendaftaran atau pembaharuan dan 3 bulan sebelum tamat tempoh kelulusan. Proses ini akan melibatkan semakan dokumen, pembentangan teknikal atau audit di tempat kerja berdasarkan perubahan tersebut. Syarikat akan dibenarkan menjalankan pengilangan berdasarkan maklumat yang dikemaskini selepas kelulusan Jabatan.
--	---

Jadual 2

6.2 BUTIRAN PERMOHONAN

Bahagian A: Maklumat Sub-Permohonan

Pilih **Skop Pendaftaran** seperti yang terdapat dalam **Jadual 1**.

Bahagian B: Maklumat Syarikat

Pemohon bagi Pendaftaran dan Pembaharuan Orang Kompeten (Syarikat) Pengilang Jentera Mengangkat melalui MySKUD hendaklah memastikan maklumat tempat kerja utama yang dimasukkan telah mempunyai nombor Pemberitahuan Tempat Kerja (PEMTK) dengan JKPP Negeri melalui sistem MyKKP.

Nota: Maklumat kakitangan yang dihubungi seperti nama, alamat email dan nombor telefon bimbit hendaklah merujuk kepada kakitangan syarikat yang bertanggungjawab dalam menghantar permohonan syarikat.

Bahagian C: Maklumat Kakitangan Teknikal

Setiap kakitangan teknikal bahagian masing-masing hendaklah memenuhi semua syarat kelayakan seperti jadual di bawah:

KRITERIA KELAYAKAN KAKITANGAN TEKNIKAL	
Bahagian Rekabentuk	
a)	Warganegara Malaysia atau bagi bukan Warganegara Malaysia hendaklah mempunyai permit bekerja yang sah di Malaysia.
b)	Mempunyai pengetahuan berkaitan perundangan KKP, kod dan standard reka bentuk jentera mengangkat seperti AWS, EN, BS dan sebagainya yang merujuk kepada skop dipohon.
c)	Kelayakan akademik dan pengalaman: Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal/ Elektrikal/ Elektronik atau setaraf¹ dengannya yang diiktiraf oleh Malaysian Qualification Accreditation (MQA) atau The Board of Engineers (BEM) dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam kerja pengilangan jentera mengangkat; atau Memiliki Diploma dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal/ Elektrikal/ Elektronik atau setaraf¹ dengannya yang diiktiraf oleh Malaysian Qualification Accreditation (MQA) atau The Board of Engineers (BEM) dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam kerja pengilangan jentera mengangkat; atau Memiliki sijil kemahiran tahap 4 dalam bidang kejuruteraan/setarafnya dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam kerja pengilangan dan pengubahan jentera mengangkat .
d)	Menghadiri dan mempunyai sijil latihan berkaitan kod rekabentuk bagi pengilangan jentera mengangkat seperti AWS, EN, BS dan sebagainya yang merujuk kepada skop dipohon.
Bahagian Projek Kejuruteraan	
a)	Warganegara Malaysia atau bagi bukan Warganegara Malaysia hendaklah mempunyai permit bekerja yang sah di Malaysia.
b)	Mempunyai pengetahuan berkaitan perundangan KKP, kod dan standard reka bentuk jentera mengangkat seperti AWS, EN, BS dan sebagainya yang merujuk kepada skop dipohon.

c)	Kelayakan akademik dan pengalaman; Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal/ Elektrikal/ Elektronik atau setaraf¹ dengannya yang diiktiraf oleh Malaysian Qualification Accreditation (MQA) atau The Board of Engineers (BEM) dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam kerja pengilangan jentera mengangkat; atau Memiliki Diploma dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal/ Elektrikal/ Elektronik atau setaraf¹ dengannya yang diiktiraf oleh Malaysian Qualification Accreditation (MQA) atau The Board of Engineers (BEM) dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam kerja pengilangan jentera mengangkat; atau Memiliki sijil kemahiran tahap 4 dalam bidang kejuruteraan/setara dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam kerja pengilangan jentera mengangkat.
d)	Menghadiri dan mempunyai sijil latihan berkaitan kod rekabentuk bagi pengilangan jentera mengangkat seperti AWS, EN, BS dan sebagainya yang merujuk kepada skop dipohon.
Bahagian Kawalan Kualiti (QA/QC)	
a)	Warganegara Malaysia;
b)	Mempunyai pengetahuan berkaitan spesifikasi jentera mengangkat yang dinyatakan dalam perundangan KKP dan kod reka bentuk.
c)	Menghadiri dan mempunyai sijil latihan berkaitan kawalan kualiti kimpalan bagi pengilangan dan atau pengubahan Jentera Mengangkat seperti CSWIP dan NDT.
d)	Kelayakan akademik dan pengalaman: Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal/ Elektrikal/ Elektronik atau setaraf¹ dengannya yang diiktiraf oleh Malaysian Qualification Accreditation (MQA) atau The Board of Engineers (BEM) dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam kerja pengilangan jentera mengangkat;

	atau Memiliki diploma Kejuruteraan Mekanikal/ Elektrikal/ Elektronik atau setaraf¹ dengannya yang diiktiraf oleh Malaysian Qualification Accreditation (MQA) atau The Board of Engineers (BEM) dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam kerja pengilangan jentera mengangkat; atau Memiliki sijil kemahiran tahap 3 dalam bidang kejuruteraan/setara dan pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam kerja pengilangan jentera mengangkat; atau Memiliki SPM/ setara dan pengalaman sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun dalam kerja pengilangan jentera mengangkat.
Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)	
	Syarikat perlu melantik Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (Safety & Health Officer - SHO) jika tertakluk di bawah Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) 1997*; atau Bagi tempat kerja yang kurang dari 100 orang pekerja, syarikat perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang Penyelia Keselamatan Tapak Bina (SSS) yang berdaftar dengan JKPP; atau Melantik Penyelaras KKP yang telah menghadiri kursus OSH Coordinator (OSH-C) oleh Pusat Pengajar yang telah diiktiraf JKPP.** Maklumat Nombor Pendaftaran SHO/SSS/OSH-C yang sah perlu dimasukkan bagi maklumat kakitangan teknikal Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. <i>*Sila pastikan setiap kakitangan SHO/SSS/OSH-C telah berdaftar dengan majikan terkini semasa membuat permohonan. Semakan profil OYK ini boleh disemak melalui profil OYK pada laman web myKKP.</i>

	**Sila rujuk Senarai Pusat Pengajar Bagi Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH Coordinator) di dalam laman web rasmi Jabatan.
Kakitangan Pengimpal Tetap	
a)	Menyediakan sekurang-kurangnya seorang kakitangan pengimpal warganegara Malaysia yang bekerja tetap di syarikat.
b)	Telah menjalani Ujian Kelayakan Kimpalan (WQT) sekurang-kurangnya jenis 2G/2F (AWS Code) berdasarkan WPS yang dimiliki oleh syarikat untuk skop permohonan.

Jadual 3

(Nota ¹ Kelulusan akademik yang dilampirkan hendaklah dan tidak terhad kepada pengetahuan dan kemahiran teknikal seseorang di dalam bidang fizik, pengiraan matematik kejuruteraan, reka bentuk kejuruteraan teknikal dan kekuatan bahan kejuruteraan).

Pemohon hendaklah memuatnaik sijil kehadiran kursus berkaitan reka bentuk jentera mengangkat, kawalan kualiti kimpalan, OSH-C dan sijil WQT pada Bahagian C. Dokumen lain seperti resume, sijil akademik, sijil kursus teknikal dan KKP kakitangan pada Bahagian C hendaklah dimuatnaik pada Dokumen Permohonan No. 3.

Bahagian D: Maklumat Cawangan

Sekiranya syarikat mempunyai cawangan tempat kerja yang ingin didaftarkan bagi menjalankan kerja sebagai Orang Kompeten (Syarikat) Pengilang Jentera Mengangkat, cawangan tersebut perlu mempunyai nombor Pemberitahuan Tempat Kerja (PEMTK) yang berasingan dengan tempat kerja utama. Cawangan tempat kerja tersebut hendaklah dipastikan lengkap dengan jentera dan peralatan kawalan kualiti mengikut skop yang dipohon.

BUTIRAN	NOTA PENERANGAN
Nama Syarikat	Merujuk kepada nama syarikat (tempat kerja utama) yang didaftarkan seperti di Bahagian B.
Nombor Pendaftaran Syarikat	Nombor pemberitahuan tempat kerja cawangan yang didaftarkan di dalam MyKKP.
Nombor Telefon Syarikat	Nombor telefon cawangan tempat kerja.

E-mel Syarikat	E-mel kilang cawangan yang boleh dihubungi oleh Jabatan.
Bilangan Pekerja	Bilangan pekerja yang berjawatan tetap dan kontrak di cawangan tempat kerja.
Kakitangan Teknikal	Maklumat kakitangan teknikal yang bertanggungjawab di cawangan tempat kerja. Syarikat perlu menyediakan sekurang-kurangnya seorang kakitangan teknikal reka bentuk, projek kejuruteraan, kawalan kualiti, KKP dan pengimpal khusus bagi cawangan tempat kerja jika lokasi cawangan tempat kerja berlainan daerah dengan tempat kerja utama. <i>Nota: Sekiranya lokasi cawangan tempat kerja berada dalam satu daerah yang sama, pemohon boleh menggunakan senarai kakitangan teknikal tempat kerja utama.</i>

Jadual 4

7.0 DOKUMEN

7.1 DOKUMEN PERMOHONAN

Semua dokumen permohonan perlu dimuat naik dalam format PDF. Sila buat pecahan fail jika melebihi kuota yang dibenarkan. Sertakan fail PDF bertajuk “Tidak Berkaitan Skop Permohonan” jika dokumen permohonan tidak melibatkan skop permohonan.

BUTIRAN	NOTA PENERANGAN
1) Ringkasan latar belakang syarikat	Mengandungi katalog, maklumat latar belakang atau profil syarikat tempat kerja utama dan cawangan tempat kerja (jika ada).

2) Carta organisasi utama tempat kerja (utama dan cawangan)	Carta organisasi tempat kerja utama dan cawangan tempat kerja (jika ada) terkini yang mengandungi semua kakitangan syarikat. Sila nyatakan nama penuh, bahagian dan jawatan kakitangan teknikal, kakitangan KKP serta pengimpal tetap yang terlibat pada Bahagian C pada carta organisasi tersebut.
3) Senarai nama kakitangan teknikal, KKP dan pengimpal bagi tempat kerja (utama dan cawangan)	☐ Menyediakan senarai kakitangan teknikal , KKP dan pengimpal dalam bentuk jadual yang mengandungi maklumat: • Nama • Jawatan • Pengalaman kerja berkaitan pengilangan jentera mengangkat • Kelayakan akademik berkaitan yang tertinggi • Jenis kursus teknikal dan KKP berkaitan yang telah dihadiri. Bagi setiap kakitangan yang dinamakan, sertakan: ☐ Resume; ☐ Sijil akademik tertinggi; dan Sijil kursus teknikal
4) Senarai aktiviti dan pengalaman kerja	Maklumat perlu mengandungi: • Senarai pengalaman kerja berkaitan skop pendaftaran (pendaftaran baru). • Senarai rekod kerja berkaitan skop pendaftaran sepanjang tempoh kelulusan (pembaharuan). • Senarai aktiviti kerja selain berkaitan skop permohonan (jika ada).
5) Senarai jentera dan peralatan dimiliki beserta spesifikasi bagi tempat kerja utama dan cawangan tempat kerja	Senarai dan spesifikasi peralatan kerja pengilangan jentera mengangkat terkini tidak terhad kepada berikut: • <i>Welding Machine</i> • <i>Cutting Machine</i> • <i>Bending Machine</i> • <i>Drilling Machine</i> • <i>Grinding Machine</i>

	• <i>Forklift atau Overhead Travelling Crane (OTC)</i> Senarai dan spesifikasi peralatan pemeriksaan kualiti jentera mengangkat terkini tidak terhad kepada: • <i>Welding Gauge</i> • <i>Torque Wrench</i> • <i>Non-Destructive Testing (NDT) Equipment</i> • <i>Load Tester</i> Senarai peralatan di atas juga diperlukan untuk permohonan kemaskini cawangan tempat kerja yang baru.
6) Pelan kedudukan jentera di tempat kerja utama dan cawangan tempat kerja	Menyediakan susun atur jentera di tempat kerja utama dan cawangan tempat kerja, yang terkini bagi setiap permohonan.
7) Manual Kawalan Kualiti yang mengandungi maklumat berkaitan dengan kerja-kerja dalam skop permohonan	Menyediakan Manual Kawalan Kualiti yang mengandungi tidak terhad kepada perkara berikut: • Dasar Kualiti yang ditandatangani oleh pihak pengurusan tertinggi • Prosedur kerja pengilangan • Carta alir proses pengilangan jentera mengangkat • Kawalan reka bentuk • Kawalan bahan • Kawalan kimpalan • Pelan ujian pemeriksaan pengilangan jentera mengangkat • Senarai semak pemeriksaan kualiti
8) Senarai rekod kimpalan	Menyediakan senarai rekod kimpalan yang mengandungi tidak terhad kepada perkara berikut: • Senarai spesifikasi WPS dan PQR yang dimiliki oleh pemohon dan telah disemak oleh Badan

	Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa dalam bentuk jadual. • Memuatnaik sekurang-kurangnya satu (1) set Senarai pengimpal dan Ujian Kelayakan Kimpalan (WQT) berdasarkan WPS. • Rekod kimpalan berterusan (<i>Welding Continuity Record</i>) bagi pengimpal yang dilantik.
9) Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (KKP) yang mengandungi maklumat berkaitan dengan kerja-kerja dalam skop permohonan	Menyediakan Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (KKP) yang mengandungi tidak terhad kepada perkara berikut: • Polisi Keselamatan dan Kesihatan yang ditandatangani oleh pihak pengurusan tertinggi. • Carta Organisasi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan, JKK. • Menyediakan Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (KKP) yang mengandungi tidak terhad kepada perkara berikut: • Polisi Keselamatan dan Kesihatan yang ditandatangani oleh pihak pengurusan tertinggi. • Carta Organisasi Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan, JKK. • Prosedur Kerja Selamat (SOP) bagi kerja pengilangan jentera mengangkat. • Penaksiran risiko seperti HIRARC, JHA atau JSA bagi kerja pengilangan, pembaikan dan pengubahan jentera mengangkat.
10) Laporan penilaian tempat kerja (OSHOWA)	Pemohon perlu melampirkan Laporan Penilaian KKP Tempat Kerja (OSHOWA) yang dijalankan secara sendiri. Syarikat perlu menyemak Laporan Pemeriksaan Kilang (OSHOWA) yang dikeluarkan dan menjalankan penambahbaikan elemen yang TIDAK PATUH sahaja sebelum permohonan pendaftaran, pembaharuan dan

	kemaskini premis baru. Laporan status penambahbaikan tersebut hendaklah dimuatnaik pada bahagian ini.
11) Senarai kod reka bentuk berkaitan yang dimiliki	Pemohon hendaklah mengemukakan senarai dan nama kod rekabentuk yang digunapakai untuk pengilangan jentera mengangkat dalam bentuk jadual tidak terhad kepada AWS / BS466 / FEM1.001 / MS1803 / BS EN 12159 / ANSI MH29.1/ CEN / TC 152 G / AS3533.1 dan lain-lain. Pemohon hendaklah menyediakan setiap kod reka tersebut sekiranya diminta oleh Jabatan ini.
12) Surat Kebenaran/Lesen Perniagaan (PBT/SSM (Borang 9 & 49)/PERKESO dan lain-lain)	Pemohon hendaklah mengemukakan salinan surat kebenaran atau lesen perniagaan yang sah seperti lesen pihak berkuasa tempatan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Borang 9 dan 49) dan pendaftaran perusahaan PERKESO yang terkini bagi setiap permohonan.
13) Senarai sijil pengiktirafan yang telah diterima (ISO 9001/ISO 45001/OHSAS 18001/ISO 14001/ISO 14001/ MS 1722/ASME dan lain-lain) jika ada	Pemohon hendaklah memuatnaik sijil pengiktirafan berkaitan pencapaian kualiti pengurusan, teknikal dan KKP yang telah diterima syarikat dan masih dalam tempoh sah. Setiap sijil pengiktirafan asal yang dinyatakan hendaklah disediakan apabila diminta oleh Jabatan ini semasa proses semakan dokumen, pembentangan, audit dan permohonan kemaskini skop.
14) Penyata Caruman KWSP kakitangan teknikal bagi 3 bulan terkini	Pemohon perlu mengemukakan rekod salinan penyata caruman KWSP yang mengandungi nama kakitangan teknikal, kakitangan KKP dan pengimpal tetap yang dinyatakan pada Bahagian C untuk tiga (3) bulan terkini untuk setiap permohonan.

15) Program kursus teknikal dan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP) kakitangan teknikal	Pemohon perlu: ☐ Menyediakan rekod program kursus teknikal dan KKP dalam bentuk jadual bagi kursus yang telah dijalankan sepanjang tempoh kelulusan terdahulu dan pelan perancangan kursus bagi tahun semasa. ☐ Menyediakan pembuktian kehadiran (sijil) bagi kursus yang telah dihadiri oleh kakitangan teknikal yang dinamakan dalam tempoh kelulusan terdahulu.
---	---

Jadual 5

8.0 PEMAKLUMAN

Pihak Jabatan boleh menolak permohonan, menggantung dan membatalkan pengiktirafan ke atas syarikat jika didapati :

- a) Tidak memenuhi mana-mana kriteria permohonan pendaftaran Orang Kompeten (Syarikat); atau
- b) Memalsukan dokumen dan maklumat permohonan; atau
- c) Telah melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh JKKP seperti yang dinyatakan di dalam surat kelulusan pendaftaran atau syarat-syarat lain yang dikeluarkan oleh JKKP dari semasa ke semasa ; atau
- d) Telah memperoleh pendaftaran melalui salah nyataan atau fraud.

9.0 FI

Pembayaran fi pemprosesan dan pendaftaran bagi permohonan pendaftaran, pembaharuan dan kemaskini maklumat Orang Kompeten (Syarikat) Pengilang Jentera Mengangkat adalah mengikut Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Fi Bagi Pendaftaran Dan Pembaharuan Orang Kompeten Dan Penyedia Latihan Berdaftar) 2024.

10.0 PIAGAM PELANGGAN

- 10.1. Permohonan yang LENGKAP akan diproses (melibatkan semakan dokumen, sesi pembentangan teknikal dan audit) dalam TEMPOH TIGA PULUH (30) HARI BEKERJA. Pihak syarikat dikehendaki untuk mengemukakan maklumat tambahan sekiranya diperlukan oleh pegawai proses. Keputusan kelulusan sebagai Orang Kompeten (Syarikat) Pengilang, Jentera Mengangkat akan dimaklumkan kepada pemohon melalui sistem MySKUD.
- 10.2. Permohonan yang tidak lengkap akan DIBATALKAN/TIDAK DILULUSKAN dan pemohon perlu mengemukakan permohonan semula selepas menjalankan penambahbaikan dan mematuhi panduan permohonan yang ditetapkan.
- 10.3. Bagi pemohon yang telah memenuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan, kelulusan pendaftaran baru firma yang kompeten akan diberikan untuk tempoh maksimum tiga (3) tahun. Manakala bagi permohonan pembaharuan Orang Kompeten (Syarikat) yang lengkap dan masih aktif dalam skop permohonan, tempoh kelulusan diberikan adalah maksimum tiga (3) tahun.

Disediakan oleh:

UNIT PENGIKTIRAFAN

SEKSYEN PENGIKTIRAFAN, PEPERIKSAAN & PERSIJILAN

BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI

JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA

18 APRIL 2025